

# Proton lancar mini

BH 3 JUL 2001

Oleh Badrila Jamlus

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton), seperti yang dirancang tahun lalu, akan melancarkan model terbaru kereta penumpangnya berkonsepkan kenderaan pelbagai guna mini (MPV) pada pertengahan bulan ini.

Pembangunan model mini MPV berkuasa 1.1 liter dengan kapasiti enam tempat duduk itu adalah berasaskan Mitsubishi Town Box yang dibangunkan dengan kerjasama Mitsubishi Motors Corporation (MMC), pengeluar kereta Jepun yang mempunyai 8.03 peratus kepentingan dalam Proton.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memandu uji sendiri model itu Khamis ini

Harga bagi model yang ditawarkan dalam dua versi iaitu automatik dan manual itu masih belum ditentukan tetapi dianggarkan antara RM40,000 hingga RM50,000 seunit

bersempena lawatannya ke kilang Proton bagi meninjau perkembangan dan kemajuan pembangunan model terbaru Proton.

Berikutan itu, satu majlis pelancaran rasmi model itu akan diadakan pada 21 Julai ini di Pusat Beli-Belah Suria KLCC.

Sumber industri memberitahu, model itu bukan saja menawarkan ruang dalaman yang luas tetapi memiliki kelebihan daripada aspek teknikal dan teknologi.

Beliau berkata, antara

ciri menariknya ialah tingkap kuasanya boleh diturunkan secara automatik dari luar dengan hanya menggunakan kunci kawalan keselamatan.

Selain itu, lampu utama kereta itu juga akan terpadam dengan sendiri apabila kunci kereta itu dikeluarkan sekali gus mengelakkan lampu kenderaan terbabat terpasang dan pembaziran penggunaan bateri.

"Model asas itu sudah ada di pasaran tetapi Proton mengadakan penjur-

teraan semula bagi disesuaikan dengan keperluan tempatan sekali gus mengurangkan kos pengeluaran termasuk pengeluaran komponen oleh syarikat tempatan atau vendor Proton," katanya.

Model terbaru yang belum diberikan nama itu dikeluarkan dililang pemasangan kereta milik DRB-Hicom di Pekan, Pahang.

Loji pemasangan kenderaan DRB-Hicom yang terbabat dengan pemasangan kenderaan ketika ini ialah Automotive Manufacturers (M) Sdn Bhd (AMM).

Bagaimanapun, Proton difahamkan akan memberikan nama mini MPV itu berasaskan konsep dan ciri kepahlawanan seperti mana model terdahulunya yang didatangkan dengan nama Wira, Putra, Satria

## MPV bulan ini

serta Waja.

Pengeluaran model MPV adalah sebahagian daripada rancangan yang diumumkan Ketua Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff pada Mac tahun lalu yang turut membabitkan pembangunan kenderaan pacuan empat roda yang berasaskan model Pajero Mini.

Tengku Mahaleel sebelum ini berkata, Proton berusaha menawarkan pelbagai produk pada harga yang berdaya saing dan dengan pengenalan model baru ini ia sekali gus memenuhi keperluan serta gaya hidup masa kini.

Sumber itu menambah, harga bagi model yang ditawarkan dalam dua versi iaitu automatik dan manual itu masih belum ditentukan tetapi dianggarkan

antara RM40,000 hingga RM50,000 seunit.

Katanya, model itu turut menawarkan empat warna menarik, sesuai dengan gaya masa kini.

Pengenalan model bersaiz kecil dilihat memberi kelebihan dari segi penjimatan penggunaan bahan api dan cukai jalan selain disasarkan untuk digunakan sebagai kenderaan pengangkutan.

Sementara itu, katanya Proton juga sedang membangunkan model untuk menggantikan model Wira berkuasa 1.3 dan 1.5 liter yang dijangka dikeluarkan dalam tempoh dua tahun lagi.

*Berita Harian*, pada April lalu melaporkan, Proton dijangka melancarkan model terbaru kereta penumpang yang berkonsepkan

kenderaan pelbagai guna (MPV) pada pertengahan tahun ini selepas kejayaan cemerlang model Proton Waja yang dilancarkan tahun lalu.

Pengesahan berhubung pengeluaran model baru Proton itu pada tahun ini disahkan sendiri oleh Pengerusi DRB-Hicom, Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

Beliau berkata, DRB-Hicom akan membuat pemasangan kontrak bagi model terbaru itu yang akan dijalankan di loji pemasangan kenderaan milik syarikat itu di Pekan, Pahang tidak lama lagi.

DRB-Hicom sebelum ini turut dilantik oleh Naza Motors Sdn Bhd untuk memasang model kenderaan Kia dari Korea sebanyak 200 unit sebulan mulai Julai tahun ini.